

Metafora Perjuangan Dalam Filem Mat Kilau: Analisis Gaya Bahasa dan Simbolisme

Faten Khalida Khalid, Nazifah Hamidun, Muhammad Nazif Aimaan Othman, dan Nur Farhinaa Othman

Universiti Malaysia Perlis
faten@unimap.edu.my, nazifahhamidun@unimap.edu.my, nazifaamaan@unimap.edu.my,
nurfarhinaa@unimap.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini membincangkan penggunaan metafora perjuangan dalam filem *Mat Kilau* untuk membangunkan semangat perjuangan nasional melalui gaya bahasa. Filem ini mengisahkan perjuangan seorang pahlawan Melayu, Mat Kilau, dalam menentang penjajahan dan mempertahankan kemerdekaan tanah air. Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis bagaimana gaya bahasa dalam *Mat Kilau* berfungsi sebagai metafora perjuangan yang menyemai semangat patriotisme dan nasionalisme. Filem *Mat Kilau* (2022) penting dalam wacana nasionalisme moden kerana ia memainkan peranan yang signifikan dalam membentuk semula naratif perjuangan bangsa, identiti kebangsaan, dan semangat patriotik dalam konteks Malaysia hari ini, namun kajian terhadap unsur bahasa yang menyumbang kepada penyemaian semangat nasionalisme dalam filem ini masih kurang diberikan perhatian. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini adalah analisis kualitatif terhadap dialog dan tuturan bahasa yang digunakan oleh watak utama, serta simbolisme yang terkandung dalam percakapan dan interaksi mereka. Kajian mendapati bahawa gaya bahasa dalam *Mat Kilau* kaya dengan elemen metafora yang menggambarkan keberanian, pengorbanan, dan keteguhan hati dalam menghadapi musuh. Perkataan-perkataan seperti "berjuang", "merdeka", dan "bangsa" berfungsi untuk memperkukuhkan tema perjuangan, serta menyemai kesedaran nasionalisme di kalangan penonton. Kesimpulannya, gaya bahasa dalam *Mat Kilau* bukan sahaja memperkasa naratif sejarah perjuangan, tetapi juga berperanan penting dalam membangunkan semangat kebangsaan dan jati diri bangsa Malaysia.

Kata kunci: Metafora perjuangan, Mat Kilau, semangat perjuangan nasional, simbolisme

ABSTRACT

This study examines the use of metaphorical language in the film Mat Kilau (2022) as a means of fostering nationalistic sentiment through linguistic expression. Centred on the historical figure Mat Kilau, a Malay warrior who resisted British colonialism, the film serves as a contemporary reimagining of national struggle and identity. The objective of this research is to analyse how the film's linguistic style operates as a metaphor for resistance, thereby promoting patriotism and nationalism. While Mat Kilau has garnered significant attention for its role in revitalising nationalist discourse in modern Malaysia, scholarly analysis of the film's language and its contribution to nationalist sentiment remains scarce. Employing a qualitative methodology, the study examines key dialogues, speech patterns, and symbolic language used by the main characters. The findings indicate that the film's language is rich in metaphor, emphasising themes of bravery, sacrifice, and resilience. Terms such as "struggle," "freedom," and "nation" reinforce the central theme of resistance and contribute to the cultivation of national consciousness among viewers. Ultimately, the study concludes that the linguistic elements in Mat Kilau not only enhance the historical narrative but also play a pivotal role in constructing a modern sense of national identity.

Keywords: Metaphor, Mat Kilau, nationalism, symbolism

PENGENALAN

Filem memainkan peranan penting sebagai medium komunikasi massa yang berpengaruh dalam membentuk minda, sikap dan emosi masyarakat. Dari sudut akademik, filem dianggap sebagai alat pendidikan tidak formal yang mampu menyampaikan mesej, ideologi, sejarah, serta nilai patriotik kepada penonton secara visual.

Dalam konteks pembinaan jati diri dan semangat kebangsaan, karya seni seperti filem memainkan peranan penting sebagai medium naratif yang dapat mempengaruhi persepsi, emosi, dan pemikiran masyarakat. Filem bukan sekadar bentuk hiburan, tetapi juga berfungsi sebagai wadah ideologi dan wacana sosial, terutamanya apabila berhubung dengan tema perjuangan dan nasionalisme. Salah satu unsur penting dalam menyampaikan tema-tema ini ialah penggunaan metafora, gaya bahasa dan simbolisme yang mampu menghidupkan semula makna perjuangan dalam konteks kontemporari.

Latar Belakang Kajian

Filem *Mat Kilau: Kebangkitan Pahlawan* arahan Syamsul Yusof mengetengahkan kisah perjuangan tokoh pahlawan Melayu, Mat Kilau bin Imam Rasu, dalam menentang penjajahan British di Pahang pada akhir abad ke-19. Sebagai filem sejarah, *Mat Kilau* bukan sahaja menonjolkan aspek keberanian individu, tetapi juga mengangkat wacana tentang maruah, identiti bangsa, dan semangat nasionalisme dalam konteks penjajahan.

Filem ini menampilkan barisan pelakon utama seperti Adi Putra sebagai Mat Kilau, Beto Kusyairy sebagai Wahid, Fattah Amin sebagai Awang, dan Johan As'ari sebagai Yassin. Naratif filem disusun secara dramatik dengan penekanan terhadap unsur kepahlawanan, pengorbanan dan konflik ideologi antara penjajah dan anak watan. Dalam analisis budaya, filem ini berfungsi sebagai manifestasi naratif kebangsaan yang cuba membina semula imaginasi sejarah melalui lensa sinema moden.

Skop & Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk melihat kepada unsur metafora yang digunakan dalam filem *Mat Kilau* serta menganalisis metafora yang digunakan dalam filem ini. *Mat Kilau* merupakan sebuah filem yang bertemakan perjuangan menentang penjajah hasil arahan Syamsul Yusof. Penonton menyifatkan penceritaan dalam filem ini sarat dan padat dengan mesej mengenai Melayu dan Islam, mengenai perpaduan dan perpecahan kaum tersebut (Khairulnazar Yahaya 2022). Filem yang menelan belanja kira-kira RM 8 juta ini dikatakan mampu menaikkan rasa cinta kepada agama dan bangsa dari penonton kerana terdapat banyak Mutiara kata dalam dialog yang berunsurkan nasihat yang membakar jiwa walaupun ia adalah filem fiksyen (Bernama, 2022). Asrol Awang (2022) juga menyatakan generasi hari ini amat memerlukan medium seperti file mini untuk menyuntik semangat nasionalisme dan patriotism dalam diri.

Skop kajian ini tertumpu kepada analisis metafora dan simbolisme dalam filem *Mat Kilau*, khususnya dalam konteks penyampaian metafora perjuangan. Fokus utama diberikan kepada dialog watak-watak utama dan elemen visual terpilih dalam filem ini. Objektif kajian adalah seperti berikut:

1. Mengenal pasti metafora perjuangan yang digunakan dalam dialog dan visual filem.
2. Menghuraikan bagaimana simbolisme visual menyokong naratif perjuangan.

Pernyataan Masalah

Walaupun filem *Mat Kilau* menerima sambutan hangat dan pujian dari segi kandungan patriotik, masih kurang kajian akademik yang mendalami aspek linguistic dan gaya Bahasa yang digunakan untuk menggerakkan mesej perjuangan. Kebanyakan ulasan filem lebih tertumpu kepada aspek

sejarah, penerimaan masyarakat dan impak budaya tanpa memberi perhatian kepada bagaimana metafora dan simbol digunakan untuk membina makna perjuangan secara mendalam. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis penggunaan metafora perjuangan dalam filem *Mat Kilau* melalui gaya bahasa dan simbolisme yang digunakan oleh watak-watak utama. Kajian ini akan meneliti bagaimana elemen linguistic berperanan bukan sahaja dalam memperkukuh naratif perjuangan, tetapi juga dalam menyemai kesedaran nasionalisme dalam kalangan penonton.

Tinjauan Literatur

Kajian literatur dalam kertas kerja ini dibahagikan kepada 3 bahagian iaitu definisi metafora, bentuk metafora dan kajian metafora dalam filem.

Definisi

Metafora berasal daripada perkataan Greek *metaphora* atau *metaphrein*, yang membawa maksud 'memindahkan' atau 'perpindahan' (Syahidah Ameera & Rozaimah, 2024). Dalam konteks bahasa dan makna, metafora dilihat sebagai satu bentuk ungkapan implisit yang berfungsi sebagai asas pembentukan buah fikiran dan penyampaian makna tersirat (Nor Hashimah Jalaluddin, 2017). Secara umumnya, metafora ditakrifkan sebagai satu bentuk perbandingan secara tersirat yang digunakan untuk menyampaikan sesuatu maksud secara tidak literal. Menurut Pusat Rujukan Persuratan Melayu, metafora ialah penggunaan kata-kata untuk menyatakan makna yang berbeza daripada makna asal, yang berfungsi sebagai perbandingan atau kiasan (Melati Desa, 2020).

Ainon dan Abdullah (2002) mentakrifkan metafora sebagai bentuk kiasan yang tidak menggunakan kata perbandingan eksplisit seperti *bagai*, *laksana*, atau *umpama*. Definisi ini menekankan aspek kehalusan dalam menyampaikan makna tersirat melalui gaya bahasa. Selari dengan itu, Mohd. Khir Kassim (2004) menegaskan bahawa metafora merujuk kepada penggunaan bahasa yang menyampaikan makna berlainan daripada maksud literal, berfungsi sebagai kiasan dalam komunikasi.

Bartel (2008) pula mentafsirkan metafora sebagai sebarang bentuk perbandingan yang tidak dapat difahami secara literal, sekali gus menekankan unsur imaginasi dan kreativiti dalam proses penyampaian makna. Metafora memainkan peranan penting dalam menyampaikan mesej, membina lambang dan emosi serta menjana gambaran imaginatif dalam minda pembaca atau pendengar.

Selain itu, personifikasi turut dikategorikan sebagai salah satu bentuk metafora yang memberikan ciri-ciri manusia kepada objek bukan hidup atau konsep abstrak seperti perasaan dan cuaca (Ainon & Abdullah, 2002). Gaya ini membolehkan penulis menyampaikan mesej secara halus dan menyentuh emosi pembaca tanpa mengungkapkan maksud secara langsung.

Dalam konteks perfileman, metafora memainkan peranan penting sebagai alat komunikasi yang menyampaikan mesej melalui simbol, perlambangan dan naratif tersirat. Menurut Wan Nurhasyimah Wan Mohd Apandi dan Ahmad Rashidi Yan Ibrahim (2018), pengkarya filem sering menggunakan metafora untuk membentuk naratif simbolik yang menyampaikan mesej tersirat kepada penonton. Elemen ini penting kerana ia dapat menyampaikan sindiran, teguran, dan nilai moral secara halus (Hamidah Abdul Hamid, 1995). Penggunaan metafora dalam filem dengan itu dilihat sebagai satu bentuk komunikasi berlapis yang memberi impak kognitif dan emosi kepada khalayak.

Bentuk Metafora

Metafora telah lama menjadi sebahagian daripada kajian bahasa dan sastera, namun pemahaman terhadap peranannya telah mengalami peluasan yang signifikan sejak akhir abad ke-20. Pada asalnya, metafora hanya dianggap sebagai alat retorik atau gaya bahasa yang bersifat hiasan. Namun, pendekatan kognitif dan linguistik moden telah mengangkat metafora sebagai instrumen penting dalam membentuk makna, pemikiran dan struktur budaya masyarakat (Lakoff & Johnson, 2003; Kövecses, 2010).

i. Metafora Konseptual

Metafora konseptual merujuk kepada cara manusia memahami satu domain pengalaman melalui lensa domain lain yang lebih konkrit. Lakoff dan Johnson (2003) menjelaskan bahawa kebanyakan pemikiran manusia bergantung kepada metafora, contohnya dalam pernyataan “perjuangan adalah perjalanan”, yang memperlihatkan bagaimana struktur perjalanan digunakan untuk memahami proses perjuangan. Metafora konseptual membina hubungan sistemik antara abstraksi dan konkrit, dan digunakan secara meluas dalam wacana sosial, politik dan kebudayaan untuk menyampaikan ideologi dan emosi (Lakoff & Johnson, 2003)

ii. Metafora Ontologi

Metafora ontologi pula menjelmakan konsep abstrak seperti kematian, kezaliman atau penderitaan sebagai entiti yang dapat difahami dan dialami secara fizikal (Kövecses, 2010). Contohnya, dalam ungkapan “*perjuangan ini masih berdarah*”, perjuangan dimetaforakan sebagai tubuh yang boleh berdarah, memberikan kesan dramatik terhadap intensiti emosi dan pengorbanan yang terlibat. Metafora jenis ini memudahkan interaksi manusia dengan konsep tidak ketara dengan menjadikannya bersifat objek atau entiti.

iii. Metafora Struktur

Menurut Semino (2008), metafora struktur melibatkan pemetaan hubungan yang kompleks antara dua domain melalui satu struktur yang dikenali. Misalnya, dalam wacana perjuangan, konsep penjajahan mungkin digambarkan sebagai “penjara” atau “rantai”, metafora yang menunjukkan kawalan, kekangan dan penindasan. Metafora struktur memberi kekuatan naratif kerana ia menyusun pemahaman khalayak terhadap hubungan kuasa atau pertentangan ideologi dalam bentuk yang mudah didekati.

Metafora dalam Filem

Kajian mengenai metafora dalam filem telah mendapat perhatian yang semakin meluas, khususnya dalam bidang kajian filem, semiotik, linguistik dan sosiologi visual. Filem, sebagai medium multimodal, bukan sahaja menyampaikan naratif melalui dialog, tetapi juga melalui unsur visual, bunyi dan simbolisme. Oleh itu, penggunaan metafora dalam filem berperanan membina makna tersirat dan membentuk tafsiran emosi serta ideologi penonton (Forceville, 2006).

Menurut Forceville (2006), filem menggunakan metafora visual dan verbal untuk menyampaikan konsep abstrak seperti kuasa, penderitaan, kematian, cinta atau perjuangan. Ini selaras dengan teori metafora multimodal, di mana unsur seperti warna, pergerakan kamera, komposisi imej dan ekspresi watak berfungsi sebagai “bahasa” visual yang menyampaikan makna metafora.

Dalam konteks filem Melayu, kajian oleh Siti Rahimah (2014) terhadap filem *Tanda Putera* meneliti penggunaan metafora perjuangan dan kenegaraan melalui elemen sinematografi, kostum, dan latar suara. Beliau mendapati bahawa metafora “darah” dan “api” digunakan secara

visual untuk menggambarkan ketegangan politik dan pengorbanan nasional, memperkuat ideologi patriotik dalam naratif.

Sementara itu, Nor Afizah (2021) meneliti filem *Munafik 2* dari sudut metafora spiritual, mendapati bahawa unsur seperti “cahaya” dan “kegelapan” bukan sekadar elemen estetik tetapi mewakili pertentangan antara kebenaran dan kebatilan, serta kehadiran kuasa ketuhanan dalam perjuangan manusia. Hal ini membuktikan bahawa metafora dalam filem bukan sahaja berfungsi menyokong cerita, malah membina kerangka pemikiran dan nilai masyarakat.

Di peringkat antarabangsa, studi oleh Kövecses (2010) menyarankan agar metafora dalam media visual seperti filem diteliti bukan hanya berdasarkan teks lisan tetapi dari analisis semiotik menyeluruh yang menggabungkan dialog, tindakan watak, dan unsur latar. Hal ini penting dalam filem yang mengangkat tema perjuangan, kerana metafora sering disampaikan secara tersirat melalui interaksi antara imej dan naratif.

Simbolisme dalam Filem

Kajian oleh M Fazmi (2012) menekankan bahawa filem Melayu traditional cenderung bergantung kepada dialog sebagai medium utama penceritaan, manakala potensi sinematografi simbolik melalui penggunaan imej simbolik masih kurang diberi perhatian. Beliau mencadangkan agar kekuatan filem diukur melalui komposisi visual dan sinematografi, yang mampu menyampaikan makna tanpa bergantung kepada dialog eksplisit. Ini menunjukkan satu peralihan penting dari pengutamaan verbal kepada kebergantungan kepada naratif visual dalam membentuk tafsiran penonton.

Dalam penekanan hubungan watak dan simbol, M Fazmi (2012) membincangkan bagaimana sesuatu bentuk visual mampu menzahirkan ciri, konflik, dan perkembangan watak secara simbolik. Dengan menempatkan watak dalam susunan dan latar tertentu, adegan tersebut tidak hanya membingkai momen visual tetapi turut menyampaikan mesej tersirat kepada penonton tentang keadaan emosi, kuasa atau hubungan antara watak. Simbolisme sedemikian membolehkan pembikin filem mengawal naratif tanpa menuturkan kata. Penggunaan imej simbolik secara strategik boleh memperkaya naratif, menambahkan lapisan makna, dan memberi impak estetik yang lebih tinggi dalam pembacaan serta pengalaman penonton.

METODOLOGI

Persoalan Kajian

Kajian ini dibentuk berdasarkan persoalan utama berikut:

- i. Bagaimanakah metafora perjuangan digambarkan melalui gaya bahasa dalam filem *Mat Kilau*?
- ii. Apakah simbolisme visual yang menyokong tema perjuangan dalam filem *Mat Kilau*?

Kaedah Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis kandungan filem. Kaedah ini melibatkan pemerhatian mendalam terhadap elemen-elemen linguistik dan visual dalam filem *Mat Kilau*. Data dikumpulkan melalui analisis transkrip dialog serta pemilihan adegan-adegan utama yang menyampaikan tema perjuangan secara simbolik.

Pemilihan adegan adalah berdasarkan kriteria berikut:

- i. Adegan yang menonjolkan konflik antara penjajah dan pejuang tempatan.
- ii. Adegan yang mengandung ungkapan bahasa bersifat metafora.
- iii. Adegan yang memperlihatkan simbolisme melalui pakaian, senjata, pergerakan kamera, warna, dan pencahayaan.

Analisis data dilakukan dengan mengenalpasti dan mengkategorikan bentuk-bentuk gaya bahasa perjuangan, kemudian mentafsir makna dan fungsinya dalam konteks naratif film.

HASIL KAJIAN

Film *Mat Kilau: Kebangkitan Pahlawan* menonjolkan kekuatan dialog sebagai alat penyemai semangat perjuangan, terutamanya menerusi penggunaan gaya bahasa yang puitis, retorik, dan bersifat simbolik. Analisis ini memberi tumpuan kepada beberapa jenis gaya bahasa utama yang dikesan dalam dialog tertentu, serta bagaimana gaya bahasa tersebut mempengaruhi emosi dan kesedaran penonton terhadap perjuangan bangsa.

Dialog 1 (Salmah – lakonan Ellie Suriaty)

"Kafir laknatullah. Demi Allah, Demi Rasulullah, aku berpijak di bumi Pahang ini. Di bawah langit Allah yang aku junjung, kamu, kamu, kamu akan menyaksikan kebangkitan orang Melayu menentang kekejaman penjajah orang putih."

Dialog ini sarat dengan metafora perjuangan yang mencerminkan semangat kebangsaan, keagamaan, dan pembebasan daripada penjajahan. Terdapat tiga bentuk metafora utama yang dikenal pasti:

- i. **Metafora Ontologi:** *"...aku berpijak di bumi Pahang ini..."*
Frasa ini menunjukkan bahawa bumi Pahang bukan sekadar lokasi geografi, tetapi simbol identity, akar budaya, dan tanah keramat yang dipertahankan. Ia mewakili nilai-nilai tradisi, sejarah dan maruah bangsa Melayu yang menjadi asas kepada perjuangan.
- ii. **Metafora Konseptual:** *"Di bawah langit Allah yang aku junjung"*
Frasa ini membawa maksud bahawa perjuangan yang dilakukan adalah di bawah lindungan dan panduan Ilahi. "Langit Allah" merujuk kepada kekuasaan Tuhan yang dijunjung tinggi, sementara "menjunjung langit" menjadi lambang ketaatan terhadap hukum Tuhan dan prinsip kebenaran.
- iii. **Metafora Kebangkitan:** *"Kamu akan menyaksikan kebangkitan orang Melayu"*
Perkataan "kebangkitan" menggambarkan kesedaran kolektif, perubahan dari keadaan lemah kepada kuat, serta tekad untuk bangkit melawan penindasan.

Dialog 2 (Haji Muhammad - lakonan Jalaluddin Hassan)

Dialog watak Haji Muhammad lakonan Jalaluddin Hassan dalam film *Mat Kilau: Kebangkitan Pahlawan* menyampaikan mesej yang sangat kuat mengenai bahaya membiarkan penjajahan berlaku tanpa penentangan.

"Membiarkan penjajah bermaharajalela ibarat membenarkan musuh menebuk satu persatu dinding rumah kita sehingga hilanglah jati diri, adat, dan agama."

- i. **Metafora konseptual:** *"Penjajah bermaharajalela"*

Penjajahan digambarkan sebagai tindakan "bermaharajalela", iaitu bertindak sesuka hati seperti raja tanpa batasan. Ini menimbulkan gambaran bahawa penjajahan bukan sahaja mengambil kuasa politik, malah menghancurkan sistem sosial, budaya dan agama secara sewenang-wenangnya.

- ii. **Metafora struktur:** *"Musuh menebuk satu persatu dinding rumah kita"*
Rumah dijadikan simbol kepada negara, bangsa, atau identiti kolektif masyarakat Melayu. Dinding pula mewakili benteng nilai, seperti jati diri, adat resam, dan agama. Menebuk dinding rumah melambangkan tindakan penjajah yang perlahan-lahan merosakkan struktur bangsa dari dalam, secara sistematik dan tidak disedari pada awalnya.
- iii. **Metafora Kehancuran Identiti:** *"Hilanglah jati diri, adat, dan agama"*
Frasa ini menegaskan kesan akhir penjajahan jika dibiarkan: kehilangan total terhadap identiti bangsa Melayu. Ia menyentuh aspek spiritual, budaya dan moral, menandakan bahawa perjuangan menentang penjajah adalah penting demi menyelamatkan bukan hanya tanah air, tetapi jati diri umat dan ketamadunan Melayu-Islam itu sendiri.

Dialog 3 (Wahid – lakonan Beto Khusyairy)

"Ibarat telur semangkuk, pecah sebiji, pecah semuanya."

- i. **Metafora Struktur:** *"Telur semangkuk"*
Frasa ini membawa maksud bahawa masyarakat Melayu atau umat yang berjuang diibaratkan seperti sekumpulan telur yang diletakkan dalam satu mangkuk iaitu lemah, rapuh, tetapi bersatu. Simbol "telur" menggambarkan sifat mudah terancam dan perlu dijaga dengan rapi, sementara "semangkuk" menggambarkan kekuatan bersama dalam satu kumpulan.
- ii. **Metafora Konseptual:** *"Pecah sebiji, pecah semuanya"*
Ini bermaksud bahawa jika satu pihak dalam komuniti tertindas atau digugat, maka kesan buruknya akan turut menimpa seluruh masyarakat. Dalam konteks perjuangan, setiap individu memainkan peranan penting dalam mempertahankan keseluruhan bangsa. Kehancuran satu bahagian (misalnya kampung yang ditindas, atau seorang pahlawan gugur) boleh membawa kepada kejatuhan keseluruhan struktur bangsa jika tiada solidariti.

Dialog 4 (Kapten H. Syers – lakonan Geoff Andre Feyaerts)

- *"Jadi sahaja seperti kerbau. Kerbau boleh hidup kerana ia taat kepada tuannya. Begitu juga kamu, perlu taat kepada kami."*
 - *"Tanah Melayu ini ada tuan, ada pegawai yang jaga tanah ini, tapi ada tiga ekor kerbau yang berani melawan pegawai Inggeris, Mr. Desborough."*
- i. **Metafora Ontologi:** *"Kerbau"* dan *"Tiga ekor kerbau"* sebagai entiti manusia.
Kerbau dijadikan metafora untuk orang Melayu dalam konteks di mana manusia disamakan dengan haiwan. Ia memperlihatkan bagaimana penjajah melihat bangsa yang dijajah bukan sebagai manusia merdeka, tetapi makhluk yang boleh dikawal dan ditundukkan. Kerbau di sini melambangkan kepatuhan membuta tuli, iaitu hidup dengan selamat hanya jika taat kepada "tuan". Konsep perjuangan yang lahir daripada metafora ini ialah kesedaran untuk tidak terus menjadi kerbau, iaitu menolak pemikiran kolonial yang merendahkan martabat manusia dan bangsa.

ii. Metafora Struktur: “Tanah Melayu ada tuan”

Metafora ini membina pemahaman bahawa tanah jajahan adalah milik penjajah, dan orang tempatan hanyalah penduduk tanpa kuasa. Penjajah meletakkan diri mereka sebagai tuan kepada tanah orang lain, satu bentuk penggambaran yang menormalisasikan penjajahan sebagai satu sistem yang sah.

Walaupun dialog Kapten H. Syers bertujuan untuk merendahkan bangsa Melayu, ia sebenarnya membuka ruang tafsiran yang mendalam tentang struktur penjajahan dan bagaimana metafora digunakan untuk mengawal pemikiran. Dari sisi perjuangan, dialog ini menyalakan kesedaran identiti, iaitu perlunya bangsa Melayu menolak menjadi “kerbau” dan menuntut semula tanah dan maruah mereka sebagai manusia merdeka.

Dialog 5 (Mat Kilau – lakonan Adi Putra)

Watak Mat Kilau, lakonan Adi Putra, berfungsi sebagai teras utama dalam menyampaikan mesej perjuangan dalam filem *Mat Kilau: Kebangkitan Pahlawan*. Setiap dialog yang dituturkan olehnya bukan sahaja menyampaikan keberanian fizikal dalam melawan penjajahan, tetapi turut memuatkan lapisan makna yang sarat dengan metafora perjuangan, termasuk metafora ontologi, konseptual, struktur, dan spiritual. Dialog-dialog ini membina kesedaran identiti, jati diri, serta menolak naratif penindasan dengan menekankan keadilan, maruah, dan pengorbanan sebagai asas perjuangan bangsa Melayu-Islam. Berikut merupakan analisis dialog terpilih berdasarkan jenis-jenis metafora yang terkandung:

- “*Aku orang Melayu yang akan membela bangsaku.*”

- i. **Metafora Ontologi:** “*Aku orang Melayu*” meletakkan identiti etnik sebagai satu entiti yang membawa tanggungjawab sejarah dan moral bukan sekadar label tetapi subjek perjuangan.
- ii. **Metafora Konseptual:** “*Membela bangsaku*” melambangkan tindakan mempertahankan sesuatu yang bernilai dan terancam. Bangsa dimetaforakan seperti individu atau tubuh yang harus dilindungi daripada ancaman luar.

Frasa ini mengangkat Mat Kilau sebagai wira, bukan kerana kekuatan fizikal semata-mata tetapi kerana keinsafan dan amanah untuk membela maruah kolektif.

- “*Walau Izrail datang sekalipun, aku sedia menghadap, apatah lagi penjajah laknat seperti kau!*”

- i. **Metafora Ontologi:** “*Izrail*” dimetaforakan sebagai makhluk nyata yang membawa maut. Kematian dijemakan sebagai sesuatu yang boleh dihadapi dengan rela.
- ii. **Metafora Konseptual:** Perbandingan antara menghadapi maut dan penjajah membina naratif bahawa kematian lebih mulia daripada tunduk kepada penjajahan. Izrail sebagai simbol ketentuan Tuhan melambangkan kemuliaan, manakala penjajah dilabel sebagai “laknat”, menggambarkan penjajahan sebagai kekejian yang lebih hina dari maut.

- “*Jangan kau fikir kau ibarat Tuhan. Apa yang kau buat kepada orang kami seperti pengemis di tanah sendiri.*”

- i. **Metafora Konseptual:** “*Ibarat Tuhan*” menggambarkan penjajah sebagai pihak yang bertindak sewenang-wenangnya, menganggap diri memiliki kuasa mutlak atas hidup dan nasib orang lain.

- ii. **Metafora Struktur:** *“Pengemis di tanah sendiri”* melambangkan rakyat yang kehilangan hak dan maruah, walaupun berada di tanah milik mereka sendiri.
 - *“Biar jantungku dikunyah sekalipun, asalkan bangsaku tidak teriak meminta tolong.”*
- i. **Metafora Ontologi:** Perkataan jantung di dalam dialog Mat Kilau *“...jantungku dikunyah..”* melambangkan symbol kehidupan atau semangat dimetaforakan sebagai sesuatu yang boleh dikunyah atau dimusnahkan. Ia menggambarkan pengorbanan diri sepenuhnya termasuk nyawa, demi sesuatu yang lebih besar, namun watak Mat Kilau sanggup menghadapinya demi kehormatan bangsanya.
- ii. **Metafora Konseptual:** Di dalam dialog *“...asalkan bangsaku tidak teriak meminta tolong.”* melambangkan kemampuan untuk tidak menyerah di mana Mat Kilau menyatakan beliau lebih rela dirinya dihina, diseksa, bahkan dibunuh, daripada melihat bangsanya merayu atau tunduk kepada musuh.

Simbolisme Perjuangan di dalam Filem Mat Kilau

Filem Mat Kilau sarat dengan elemen simbolisme yang memperkukuh tema semangat perjuangan, khususnya dalam konteks mempertahankan agama, bangsa dan tanah air daripada penjajahan British. Simbolisme ini ditampilkan melalui visual, watak, dialog, peristiwa, dan elemen budaya, yang secara kolektif menyampaikan mesej kebangkitan, pengorbanan dan jati diri. Berikut ialah simbolisme utama yang melambangkan semangat perjuangan dalam filem ini:

Keris

Keris, senjata tradisional Melayu yang sering digenggam oleh Mat Kilau dan pahlawan-pahlawan lain, melambangkan maruah, warisan budaya dan keberanian dalam mempertahankan hak. Ia bukan sahaja alat pertahanan, tetapi simbol kedaulatan bangsa bahawa perjuangan mereka berakar pada tradisi dan identiti sendiri.

Negeri Pahang

Penyebutan *“bumi Pahang”* dalam beberapa dialog menunjukkan tanah ini bukan sekadar lokasi geografi, tetapi simbol tempat suci, tempat asal-usul bangsa yang harus dipertahankan.

Simbolisme ini memberi makna bahawa perjuangan bukan untuk kuasa, tetapi demi mempertahankan tanah warisan dan jatidiri bangsa.

Air Mata dan Darah

Simbol air mata melambangkan penderitaan, kesedihan dan tekanan emosi akibat penjajahan. Darah pula melambangkan pengorbanan sebenar apabila rakyat sanggup mengorbankan nyawa demi kemerdekaan.

KESIMPULAN

Filem Mat Kilau menampilkan kekayaan elemen bahasa dan visual yang memperkukuh mesej perjuangan. Melalui metafora yang mendalam dan simbolisme visual yang konsisten, filem ini menyampaikan naratif perjuangan yang bukan sahaja berasaskan sejarah, tetapi juga spiritual dan budaya. Gaya bahasa yang digunakan membangkitkan semangat nasionalisme dan kebanggaan terhadap identiti Melayu-Islam.

Kajian ini menunjukkan bahawa filem bukan sekadar medium hiburan, tetapi juga sebagai teks budaya yang mengangkat perjuangan sebagai nilai sejagat. Justeru, analisis metafora dan simbolisme dalam Mat Kilau membuka ruang untuk pemahaman lebih mendalam terhadap bagaimana seni filem menyampaikan mesej kebangsaan secara berkesan.

RUJUKAN

- Asrol Awang. (2022). Filem Mat Kilau suntik semangat nasionalisme, patriotism. *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/rap/2022/07/858485/filem-mat-kilau-suntik-semangat-nasionalisme-patriotisme>
- Bernama. (2022). Filem Mat Kilau sarat dengan mesej patriotisme. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-hiburan/filem-mat-kilau-sarat-dengan-mesej-patriotisme-367608>
- Forceville, C. (2006). *Pictorial Metaphor in Advertising*. London: Routledge.
- Hamidah Abdul Hamid. (1995). *Pengantar Estetik*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khairulanuar Yahaya. (2022). Meremang bulu roma dengar dialog filem Mat Kilau. *Malaysia Gazette*. <https://malaysiagazette.com/2022/07/08/meremang-bulu-roma-dengar-dialog-filem-mat-kilau/>
- Kovecses, Z. (20102). *Metaphor: A Practical Introduction* (2nd Edition). Oxford: Oxford University Press.
- Lakoff, G. & Johnson, M. (1980). *Metaphors We Live By*. University of Chicago Press.
- M Fazmi Hisham. (2012). Simbolisme dalam Filem Melayu: Analisis Terhadap Hubungan Watak dan Simbol. *Jurnal Gendang Alam* 3 (4). https://www.researchgate.net/publication/305906754_Jurnal_Simbolisme_Dalam_Filem_Melayu_Analisis_Terhadap_Hubungan_Watak_dan_Simbol
- Melati Desa. (2020). Analisis Terjemahan Metafora Hidup dan Personifikasi dalam Novel Jepun Haru No Yuki. *International Journal of Modern Languages and Applied Linguistics*. chrome-extension://efaidnbmnnnibpcajpcglclefindmkaj/https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/42543/1/42543.pdf
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2017). *Semantik dan Akal Budi Melayu*. Penerbit UKM.
- Nor Afizah Ariffin (2021) *Analisis Mesej Dakwah Yang Terdapat Dalam Filem 'Munafik 2' (2018)*. Final Year Project thesis, Universiti Malaysia Kelantan.
- Semino, E. (2008). *Metaphor In Discourse*. Cambridge University Press (First). <https://doi.org/10.1017/cbo9780511896316.017>
- Buniamin, Siti Rahimah (2014) *Patriotisme sebagai elemen sinema nasional: Kajian terhadap filem Tanda Putera (2013)* / Siti Rahimah Buniamin. [Student Project] (Unpublished)
- Syahidah Ameera Mohd Helmi & Rozaimah Rashidin. (2024) Metafora dalam Filem *Imaginur*. *Jurnal Linguistik* Vol 28 (1). chrome-extension://efaidnbmnnnibpcajpcglclefindmkaj/https://plm.org.my/wp-content/uploads/2024/05/6.-Metafora-dalam-Filem-Imaginur.pdf
- Wan Nur Hasyimah Wan Mohd Apandi & Ahmad Rashidi Yan Ibrahim. (2018). Metafora dalam Seni Kontemporari. *Jurnal Ideology* 3 (2). pp 165-170.